

Pendekatan Retorik Quranik Dalam Pembentukan Adab dan Kesopanan Komunikasi Berasaskan Komuniti; Satu Tinjauan Menerusi Surah An-nisa

Quranic Rhetoric Approach in Formation Courtesy and Community-based Communication Politeness; An Overview from Surah An-nisa

Wan Azura W.A¹, Ahmad Fazullah M.Z.A²

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia;

² Pusat Sains Kemanusiaan, Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia;

Article progress

Accepted: 16 March 2021

Reviewed: 19 April 2021

Published: 30 November 2021

*Corresponding author:
Ahmad Fazullah M.Z.A,
Pusat Sains Kemanusiaan,
Kolej Pengurusan dan
Kemanusiaan, Universiti
Malaysia Pahang, Malaysia;
Email: fazullah@ump.edu.my

Abstrak: Pendidikan kesopanan komunikasi dan adab susila perlu diterapkan dalam setiap individu kerana ia merupakan benteng penting dalam mengawal perilaku seseorang. Golongan yang paling mudah terpengaruh dengan masalah kerosakan akhlak dan salah laku masyarakat adalah remaja. Jiwa remaja yang sentiasa sukakan cabaran dan perkara baru mendorong remaja sentiasa ingin mencuba dan kecetekan ilmu pengetahuan biasanya akan menjebakkannya ke dalam kancang perilaku yang salah. Oleh yang demikian pendidikan akhlak perlu disemai semenjak kecil bermula dengan ilmu akidah, seterusnya ilmu akhlak seperti menghormati ibu bapa dan seterusnya bijak bersosial serta bergaul dengan jiran tetangga serta masyarakat keseluruhannya. Makalah ini mengupas permasalah akhlak serta kesannya terhadap komuniti masyarakat. Selain itu makalah ini juga meninjau beberapa kupasan adab dan kesopanan komunikasi dalam al-Quran iaitu Surah An-nisa' dalam menangani masalah ini. Metodologi kajian ini berdasarkan kajian deskriptif dan analisis kandungan ayat-ayat terpilih bertemakan adab dan akhlak dari surah an-Nisa'. Dapatkan kajian mendapati bahawa surah an-Nisa banyak mengandungi unsur adab yang boleh dipraktikkan terutamanya berkaitan harga diri. Pemahaman yang jelas terhadap isu kandungan al-Quran ini khususnya dalam hal berkaitan akhlak boleh dijadikan pedoman terutama kepada golongan remaja dalam membentuk perwatakan mereka. Antara kepentingan kajian ini ialah ia merupakan salah satu bidang penyelidikan yang menggabunggalinkan pelbagai bidang (*multidisciplinary*) iaitu bidang adab sosial, psikologi dan retorik bahasa Arab-al-Quran dalam menjelaskan tema-tema kemanusiaan dalam al-Quran sebagai panduan kepada manusia sejagat.

Kata kunci: Kesopanan komunikasi, adab, retorik Quranik, An-Nisa

Abstract: Communication politeness and good manners should be applied in each individual as it is an important fortress in controlling one's behavior. The people most easily affected by the problem of moral damage and misconduct of society are teenagers. Teenage souls who are always advisable and new things encourage teenagers to always want to try and print knowledge usually gets them into the wrong behavior. Therefore, moral education needs to be inseminated since a small time beginning with the knowledge of faith, there in turn moral knowledge such as respecting parents and wisely socializing and associating with neighbors and society as a whole. This paper tries to peel moral problems and its impact on society. Besides that, this paper also looks at some of akhlak or good manners and communication politeness in the Quran, Surah An-nisa' in dealing with this problem. Methodology: This study is based on descriptive studies and analysis of the contents of selected verses themed manners and morals from surah an-Nisa'. The findings found that many surah

an-Nisa contain elements of manners that can be reported mainly related to self-esteem. A clear understanding of the issue of the contents of the Quran especially in matters related to morality can be used as a guide especially to the youths in shaping their character. Importance: This study is one of the areas of research that combines various fields (multidisciplinary) namely the field of social manners, psychology and rhetoric of Arabic al-Quran in explaining humanitarian themes in the Quran as a guide to human beings, while associating with neighbours and society as a whole. It begins with your introductory phrases and followed by your objectives of study. Briefly mentioned your methods, samples, area of focus and limitations. Summarized your data findings and discussion. Conclude your results and highlight the implications toward current phenomena and recommendations that can be suggested. Maximum 250 words.

Keywords: Decency of communication, manners, Quranic rhetoric, an-Nisa

Pendahuluan

Adab atau akhlak merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian manusia kerana manusia hidup bermasyarakat. Akhlak yang baik dapat ditonjolkan melalui komunikasi yang baik dengan orang lain. Dewasa ini kita dapatkan adab sering dipinggirkan lantaran perubahan kehidupan manusia yang mengejar masa, tuntutan keperluan mencari nafkah, masalah tekanan akibat tekanan hidup dan sebagainya. Sering dilaporkan di dada akhbar, pembunuhan kerap kali berlaku lantaran kurangnya nilai adap sopan dalam kalangan masyarakat seperti peristiwa ejek mengejek, memperlekehkan orang lain, serta kurang rasa kasih sesama manusia. Hal ini berlaku kerana kesopanan komunikasi yang tidak lagi dititikberatkan dalam masyarakat.

Baru-baru ini berita akhbar tempatan melaporkan seorang remaja dibunuh oleh seorang rakannya yang lain gara-gara diejek seperti laporan berita yang bertajuk: ‘Kes bunuh: Polis tahan rakan sekolah mangsa’

(https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/11/749_060/kes-bunuh-polis-tahan-rakan-sekolah-mangsa) 02 November 2020). Kes pembunuhan yang berlaku di lebuhraya dengan tajuk akhbar “bunuh di jalan raya: suami isteri ditahan reman seminggu” merupakan antara kes perselisihan faham kecil yang membawa kepada percaduhan, tidak puas hati dan seterusnya tanpa disangka berakhir dengan pembunuhan kejam. Nilai-nilai kesopanan, toleransi yang pudar serta hilang pertimbangan dan sabar membawa kepada insiden yang amat menyayat hati dan kadang-kadang hilangnya rasional pertimbangan akal yang waras.

(<https://newmalaysianpost.com/2019/08/11/bunuh-di-jalan-raya-suami-isteri-ditahan-reman-seminggu/>) 11 Ogos 2019). Jelas di sini bahawa kurangnya adab sopan dan budi pekerti dalam berbicara akan membawa kepada bukan sahaja masalah sosial namun yang lebih parah

seperti kehilangan pertimbangan akal pemikiran yang waras dan jenayah berat sehingga menyebabkan kehilangan nyawa.

Dalam perspektif Islam, adab dan akhlak merupakan aspek utama nilai kehidupan yang sangat dititikberatkan sehinggakan Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihya Ulumuddin* (2004) turut menulis mengenai bab akhlak. Menurut Imam al-Ghazali, adab dan akhlak berkait rapat dengan dengan iman. Iman dari segi istilah al-Ghazali justifikasi dengan hati, akui ia secara lisan atau kata-kata dan amalkan dengan amal akidah (al-Ghazali, 2004). Oleh itu, kesopanan akhlak yang bermula dengan kesopanan komunikasi perlu ditekankan sama ada secara lisan atau bertulis supaya tiada pihak yang tersinggung atau mengalami konflik sehingga menyebabkan perkara buruk berlaku seperti pertelingkahan dan percaduhan.

Akhlik adalah intipati bagi sesuatu amalan. Oleh yang demikian, Yusuf Qaradawi juga turut membincarkan mengenai bab akhlak dan kesederhanaan dalam hal berkaitan akhlak menerusi manhaj wasatiyah sebagai keseimbangan dan kesederhanaan dalam segala sesuatu; di dalam akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan perundungan serta jauh daripada berlebih-lebihan dan melampau (al-Qaradawi 2010).

Nilai-nilai akhlak juga ditekankan oleh ulamak tafsir terkenal iaitu Syeikh Nawawi al-Bantani seorang ulama Indonesia klasik, tujuan serta signifikannya untuk pendidikan masa kini melalui sumber utama tafsir *Marahil Labid dan Maraqi Ubudiyah Syarah Bidayah Hidayah*. Penelitian ini menyimpulkan bahawa ajaran-ajaran Syeikh Nawawi al-Bantani menjurus kepada pembentukan kompetensi akhlak yang bukan berhenti pada akhlak pada keadaan kognitif dan emosi saja, melainkan memadukannya dengan tindakan akhlak. Ajarannya ialah penyepaduan antara ketaatan kepada Tuhan dan kebaktian kepada kedua orang tua sebagai dua elemen yang tidak boleh dipisahkan, namun dengan tetap menjadikan ketaatan kepada Tuhan sebagai tonggak utama (M. Azizzullah Ilyas Institut Agama Islam Negeri

(IAIN) Curup (2019). Kesimpulannya dapat dinyatakan di sini bahawa, para sarjana dan ulamak sentiasa menitikberatkan perbincangan mengenai soal akhlak dan sentiasa cuba menyuburkan pendidikan akhlak dalam masyarakat kerana tanpa elemen akhlak ini, semua perkara tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Metodologi Kajian

Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah data kualitatif iaitu menggunakan analisis dokumen bagi mengkaji konsep pendekatan retorik Quranik dalam pembentukan adab dan kesopanan komunikasi komuniti menerusi Surah An-nisa. Sumber ialah al-Quran sebagai sumber utama. Sumber kedua ialah buku karangan sarjana Islam seperti, Al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin*, (2004), *Al-Targhib wa al-Tarhib* karangan al-Asbahani (1993), Tafsir seperti Tafsir Ibn Asyur *Attahrir wa attanwir* (t.th), Tafsir *Safwatuttafasir* oleh Assabbuny (1981) dan lain-lain. Antara sumber rujukan yang lain ialah jurnal, artikel, laporan, kertas kerja seminar, buku serta keratan akhbar tempatan. Secara umumnya, fokus makalah ini dinilai dan dianalisa melalui artikel, buku dan kertas kerja yang membincangkan tentang pendekatan al-Quran dan retorik serta psikologi dalam kesopanan komunikasi dan adab.

Dapatan kajian dan Perbincangan

Pendekatan Retorik Quranik Dalam Pendidikan Komunikasi Dan Adab Dalam Surah An-Nisa

Istilah "Adab" dalam bahasa Arab

Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia, justeru isi kandungan al-Quran selain dari akidah, ia turut menekankan persoalan akhlak. Adab dalam bahasa Arab berasal dari perkataan “*addaba*” “*yuaddib*”, “*ta'dib*”, yang bermaksud memberikan “*tathqif*” atau “*ta'lim*” iaitu ilmu pengetahuan. Menurut kamus Munjid ia membawa maksud perilaku atau adat yang bertepatan dengan nilai agama Islam. (Kamus Munjid pdf).

Menyoroti penggunaan kalimah sastera dalam bahasa Arab, ia dikenali sebagai *al-adab* bagi masyarakat Arab Jahiliah, yang membawa kepada pengertian etika, moral, perilaku yang baik dan hubungan yang baik antara manusia. Di dalamnya terkandung makna pelawaan untuk makan dan menikmati hidangan, ia terbit dari perkataan *al-ma'dabah* yang bermaksud makanan yang terhidang untuk tetamu dan seterusnya menjadi perkataan *adaba ya'dabu* yang bermaksud membuat makanan dan menjemput orang menikmati makanan (Nur Chalis, 2004: 10-12). Menurut Shari Krismanto, (2016), istilah “*al-adab*” pada zaman Jahiliyyah adalah berasal dari

“panggilan ke menu atau hidangan makanan” dan pada zaman Islam berlaku sedikit perubahan dalam istilah perkataan tersebut iaitu dakwah atau panggilan iaitu dakwah kepada Allah dalam santapan rohani juga memuliakan tetamu dengan hidangan serta dengan akhlak yang baik pada-masa yang sama.

Istilah “*adab*” semasa zaman Umayyah memberi maksud “*taklim*” atau pendidikan. Adab juga membawa maksud sastera dalam kesusasteraan Arab seperti buku karangan Ibn al-Muqaffa berjudul “*al-Adab al-Kabir*”. Oleh yang demikian boleh disimpulkan bahawa “*adab*” di sini bermaksud dua iaitu “*adab* dan akhlak yang berasal dari pemikiran dan “*adab*” yang bermaksud “sastera”.

Tema adab, komunikasi dan akhlak dalam surah An-nisa

Surah An-Nisa’ pula membawa intipati utama tentang keadilan sosial dan rahmat, terutamanya terhadap golongan yang mudah dianiayai, diperas dan ditindas. Melalui surah itu, Allah Swt menjelaskan hak umat manusia terutamanya bagi golongan tersisih, tertindas, anak yatim, hamba abdi, golongan minoriti bukan Islam, orang kurang upaya dan lain-lain (<https://www.sinarharian.com.my/article/73162/KHAS/Pendapat/An-Nisa-bela-kemajuan-masyarakat> 10 Mac 2020).

Dengan hikmah yang hanya ada pada-Nya, Allah Swt menamakan surah itu surah An-Nisa’ (wanita) yang mengingatkan umat manusia bahawa ketidakadilan atau kezaliman terhadap wanita seolah-olah merumuskan segala jenis *zulm*. Maka, kata An-Nisa’ itu merangkumi semua golongan yang tertindas, bukan hanya kaum wanita.

Kupasan akhlak Dan Kesopanan Komunikasi dalam Surah An-nisa berdasarkan Retorik Quranik:

Ilmu *al-ma'ani* merupakan ilmu pertama yang dibincangkan dalam balaghah selain ilmu *al-bayan* dan *al-badi'* (al-Qazwini, nd). Dalam al-Quran pelbagai *uslub* atau gaya bahasa digunakan bagi mengindahkan penyampaian ilmu dan mesej serta ajaran yang terkandung dalam al-Quran itu sendiri. Dalam surah an-Nisa’ terdapat beberapa tema akhlak dan adab kesopanan dibincangkan dan *uslub* yang digunakan juga merupakan *uslub* retorik yang menarik bersesuaian dengan topik perbincangan tersebut.

Surah ini dinamakan Surah An-nisa kerana mempunyai banyak perbincangan mengenai wanita seperti perkahwinan, anak-anak perempuan dan berakhir dengan perbincangan mengenai hukum-hukum berkaitan wanita (Ibn Asyur, t.th, juz 4:211). Namun begitu Surah ini dimulakan dengan dakwah kepada umum untuk

mentahuhidkan Allah SWT dengan memberikan penekanan terhadap kekuasaan Alah yang menjadikan manusia berketurunan serta beranak pinak bermula daripada seorang individu melalui ikatan sebuah perkahwinan. (Assabbuny, 1981. juz 1: 258).

1. Surah An-Nisa' bermula dengan senarai hak anak yatim:

وَأَنْوَا لِيَتَامَى أُمُواهِمْ ۝ وَلَا تَبَدَّلُوا الْحَسِيبَ بِالْطَّيْبِ ۝ وَلَا تَأْكُلُوا أُمُواهِمْ
إِلَى أُمُواهِمْ ۝ إِنَّهُ كَانَ حَوْيَا كَبِيرًا

“Berikan kepada anak-anak yatim itu harta mereka.”
(Surah An-Nisa', ayat 2)

Hak mereka yang lemah dan tidak berupaya:

“Berikanlah mereka belanja dan pakaian (daripada harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.” (Surah An-Nisa', ayat 5)

Kali pertama dalam sejarah manusia, hak pusaka wanita diperkenalkan:

“Bagi perempuan ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak menurut harta yang telah ditetapkan.” (Surah An-Nisa', ayat 7)

Tarbiyah merupakan aspek penting dalam mewujudkan shaksiah cemerlang diri seseorang individu. Terdapat pelbagai seni dapat pentarbiyan, antaranya uslub targhib (motivasi) dan uslub tarhib (hukuman). (Wan Azura et all, 2020)

Dalam ayat ini digunakan *uslub amar* iaitu uslub perintah bagi menyatakan bahawa menjaga hak anak yatim adalah wajib dalam ayat *وَأَنْوَا لِيَتَامَى*. Manakala larangan dengan gaya bahasa “Janganlah” adalah salah satu gaya bahasa larangan atau uslub tarhib.

Pendekatan targhib dan tarhib menggunakan peneguhan positif dengan syurga dan peneguhan negatif dengan neraka. al-Quran dan Sunnah menggunakan kedua-dua jenis peneguhan ini untuk mempengaruhi sasaran. Firman Allah SWT (al-Sajdah 32: 19-20) yang bermaksud:

Adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan beroleh syurga tempat tinggal yang tetap sebagai balasan bagi apa yang mereka telah kerjakan. Dan sebaliknya orang-orang yang fasik, maka tempat kediaman mereka ialah neraka; tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, mereka dikembalikan kepadanya serta dikatakan kepada mereka “Rasalah azab neraka yang kamu sentiasa mendustakannya di dunia dahulu.

Kebanyakan pengkaji meletakkan pendekatan *targhib* dan *tarhib* di bawah pendekatan motivasi (Fariza 2010). Menurut Wan Azura et al (2017), uslub motivasi boleh menggalakkan seseorang melakukan kebaikan berterusan. Dari sudut

psikologi, motivasi merupakan salah satu tingkah laku manusia (Coon & Mitterer, 2013). Motivasi ialah sesuatu tingkah laku manusia yang didorong atau digerakkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Dorongan tingkah laku yang cemerlang banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti aspek kerohanian (spiritual), fisiologi, keagamaan serta faktor luaran iaitu persekitaran, komunikasi yang berkesan, psikologi (intensif, ganjaran, hukuman pencapaian dan sebagainya) (utz, 2011). Dalam psikologi Islam, galakan membuat kebaikan adalah berkaitan dengan ibadah, terdapat dua jenis hubungan iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia (*hablul minallah* dan *hablul minannas*) (Mujib & Muzadkir, 2001; Mubarok, 2000; utz, 2011; Najati, 2008). Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail dan Norlinda Yusof, (2013) menyatakan bahawa pendidik generasi muda melalui al-Quran adalah dengan memberikan tumpuan kepada kecerdasan emosi, menerusi artikel yang bertajuk “Kecerdasan emosi menurut al-Quran dan al-sunnah: aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja”.

Seterusnya uslub *al-tibaq* iaitu perkataan berlawanan digunakan bagi menggambarkan perbezaan antara *al-khabith* iaitu perkara buruk (harta anak yatim yang haram bagi kamu makan) dan *al-tayyib* iaitu perkara baik (harta kamu sendiri yang halal bagi kamu makan). Menurut Sabbuniy, (1981:1:258). al-Quran banyak menggunakan *attibaq* (antonim) iaitu salah satu kesenian dalam ilmu retorik Arab dari cabang *al-Muhassinat al-Maknawiyah* iaitu cara untuk memperindahkan kalimat dari segi makna, bukan dari segi lafadz perkataan, sehingga tujuan yang dimaksudkan menjadi semakin jelas. (Ade Jamarudin, 2014). Disebutkan juga dalam Surah *Addhuha* penegasan terhadap menjaga hak dan harta anak yatim dalam uslub *attibaq* dan *al-muqabalah*. (Wan Azura et all, 2017). Perbandingan secara berlawanan antara kedua-dua perkara dapat menarik perhatian pembaca seterusnya menyebabkan mereka lebih berfikir.

Selain itu antara pendekatan retorik Quranik dalam memberikan kesan pendidikan mendalam dalam jiwa manusia agar melakukan komunikasi yang baik terhadap anak yatim ialah *al-majaz al-mursal*. *Majaz mursal* di sini ialah uslub al-Quran yang menyebut dalam ayat tersebut perkataan “anak yatim” dengan menyerahkan kembali kepada anak yatim harta mereka setelah mereka dewasa. Sebagaimana yang sedia maklum, pemberian atau penyerahan semula harta kepada anak yatim adalah setelah mereka baligh dan dewasa, namun ayat ini menyatakan bahawa penyerahan tersebut kepada “anak yatim”. Simbolik keindahan bahasa dapat dilihat di sini dengan penggunaan perkataan “anak yatim” bagi yang telah dewasa adalah sebagai suatu peringatan kepada masyarakat terutama golongan wali dan penjaga harta anak yatim tersebut supaya menyerahkan hak anak-anak yatim yang kematian bapa, dan jangan memakannya walaupun setelah mereka dewasa dan baligh (Assabuniy,

1981:1:258). Pada pendapat pengkaji *majaz mursal* sangat memberi kesan besar dalam melahirkan peringatan kepada masyarakat sebagai medium pendidikan jiwa, agar sentiasa mengingati keadaan lemahnya seorang anak yatim yang kecil dan bertekad untuk mengembalikan haknya walaupun setelah mereka dewasa dan baligh. Tanggapan dalam pemikiran bahawa anak tersebut masih kecil adalah suatu kesilapan bagi penjaga harta, maka perasaan tamak perlu dikhikis dari jiwa mereka.

2. *Hak wanita:*

بِأَيْمَانِهَا أَمْنُوا لَا يَجْلِلُوكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كُلُّهُمْ ۝ وَلَا تَعْصُلُوهُنَّ
إِنَّهُمْ بِوَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ
وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكُوكُمْ ۝ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا
بِالْمَعْرُوفِ ۝ فَإِنْ كَرِهُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرِهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ حَيْرًا
كَثِيرًا

“Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksa dan janganlah kamu menyulitkan mereka kerana ingin mengambil sebahagian daripada apa yang telah kamu berikan kepada mereka kecuali apabila mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan pergaulilah mereka dengan cara yang baik.” (Surah An-Nisa’, ayat 19)

Allah Swt bukan hanya menegaskan hak mereka dari segi keperluan jasmani, tetapi juga dari segi martabat dan kehormatan yang seharusnya mereka nikmati: “Anak-anak yatim serta orang miskin, maka berikanlah mereka daripada harta itu dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.” (Surah An-Nisa’, ayat 8)

Dalam ayat ini uslub *annida’* iaitu gaya bahasa panggilan digunakan seolah-olah seruan itu dekat dengan orang yang dipanggil. Dengan cara memulakan ayat secara seruan atau panggilan terlebih dahulu kepada oorang yang ingin disampaikan seruan maka hal ini akan lebih mendekatkan diri mereka untuk mendengar nasihat ataupun larangan.

Uslub atau gaya bahasa seruan ini banyak digunakan dalam pendidikan akhlak dan komunikasi terhadap anak-anak. Dalam Surah Luqman misalnya “*Ya bunyya*” iaitu wahai anakku, sebagai tanda kasih sayang dan ikatan yang akrab antara seorang ayah dengan anaknya. Mewujudkan panggilan yang baik sebelum memberikan nasihat atau sebarang peringatan menjadikan orang yang dinasihati akan lebih terasa dihargai, mudah menerima teguran atau nasihat dan merasa dekat dengan orang yang memberikan nasihat. (Wan Azura & Ahmad Fazullah, 2020). Selain itu ayat ini juga menggunakan pendekatan yang sama iaitu uslub larangan dengan perkataan “Janganlah” sebagai penegasan terhadap sesuatu tegahan.

Dalam ayat ini, wanita dikira golongan yang lemah, maka kaum lelaki berkuasa ke atasnya. Oleh yang

demikian, pada pandangan pengkaji, pendekatan al-Quran digunakan dengan cara yang cukup halus, iaitu melembutkan dahulu hati kaum lelaki yang bersifat kasar seterusnya menasihatinya agar berbuat baik terhadap kaum wanita yang lemah.

3. *Hak ibu bapa, keluarga, jiran dan para musafir:*

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۝ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ
وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكُوكُمْ ۝ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

“Berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jauh, rakan sejawat, orang musafir dan hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombang dan takbur.” (Surah An-Nisa’, ayat 36)

Keadilan ditekankan berkali-kali sepanjang surah itu dengan merujuk kepada keadaan serta hubungan dengan manusia yang lainnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia hendaklah kamu menghukumnya dengan adil.” (Surah An-Nisa’, ayat 58)

Susunan ayat dari segi retorik dan psikologi adalah burturutan iaitu dengan mendahulukan hak Allah swt kemudian ibu bapa, keluarga, jiran dan para musafir. Dalam menerangkan hak ibu bapa misalnya *uslub taqidim* (mendahulukan) iaitu perkataan ibu bapa didahulukan dari perkataan lain seperti *hasana* (berbuat baik) menunjukkan bahawa ibu bapa perlu diutamakan dalam semua perkara kebaikan.

Hal ini jelas dapat dilihat dalam ayat *وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا*. Perkataan *ibu bapa* didahulukan daripada perkataan *kebaikan* dari sudut psikologi dan retoriknya menandakan bahawa besarknya makna *ibu bapa* dalam kehidupan seorang manusia. Mendahulukan kedua-duanya dalam semua perkara adalah tuntutan agama. Sebagaimana galakan membuat kebaikan diberi keutamaan dalam agama, maka kebaikan itu perlu diletakkan kepada golongan pertama menerima kebaikan iaitu ibu bapa. Anak-anak perlu didik semenjak kecil untuk memulia dan mentaati ibu bapa. Menurut al-Maraghi (1946), membuat kebaikan kepada keduanya menjadi keutamaan dalam kehidupan kerana mereka berkorban segala-galanya untuk kita, bersifat lemah lembut penuh kasih sayang membesarakan kita dan sifat semulajadi ini telah dicampakkan oleh Allah kepada manusia yang bergelar ibu bapa, demi kelangsungan keturunan bani adam di muka bumi.

4. *Hak minoriti ditekankan; misalnya, apabila beberapa orang Islam merayu kepada Rasulullah saw supaya bertindak secara tidak adil terhadap seorang Yahudi, Allah SWT berfirman:*

إِنَّ أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتُحَكُّمَ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّمَا أَرَادَ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا وَلَا تَكُونُ
لِلْخَائِبِينَ حَصِيبًا

“Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu Kitab al-Quran dengan membawa kebenaran, supaya menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah swt telah tunjukkan kepadamu dan janganlah engkau menjadi penentang (orang yang tidak bersalah) kerana membela orang-orang yang khianat.” (Surah An-Nisa’, ayat 105)

Dalam ayat ini antara uslub yang digunakan ialah *uslub taukid* iaitu penegasan dengan partikel “*inna*”. Selain itu penegasan sekali lagi digunakan apabila menggunakan perkataan tegahan iaitu “*janganlah*” iaitu engkau menjadi penentang (orang yang tidak bersalah) kerana membela orang-orang yang khianat.”. Kedua-dua gaya bahasa ini memperkenalkan keindahan gaya bahasa retorik dalam penyampaian perintah Allah SWT.

Kesimpulan

Kesimpulannya Surah an-Nisa mengandungi pelbagai unsur adab, akhlak, nilai murni dan etika pergaulan yang baik bagi mendidik komuniti dari sekecil-kecil komuniti keluarga, wanita, anak-anak yatim serta masyarakat. Segala ciri-ciri kebaikan ini dijelaskan secara langsung dan tidak langsung melalui komunikasi verbal dan non verbal antara seseorang individu dengan individu yang lain melalui komunikasi yang sopan. Pelbagai gaya bahasa yang sesuai telah digunakan bagi memantapkan makna dan penyampaiannya sebagaimana yang dikehendaki al-Quran iaitu uslub penegasan, larangan, seruan atau *annida*, *taqdim* atau mendahulukan dan lain-lain dari cabang ilmu *al-Ma’ani*, *al-bayan* dan *al-badi’* dalam retorik Arab. Pendekatan retorik Quranik yang pelbagai ini dilihat satu keperluan kerana walaupun tujuan sesuatu ayat adalah berbeza, namun objektifnya tetap sama iaitu mendidik masyarakat agar bergaul dan berkomunikasi dengan baik sesama manusia bagi menjamin keharmonian masyarakat. Komunikasi yang sopan adalah tonggak keharmonian kerana bermula dengan komunikasi yang baik maka lahirnya hubungan kasih sayang dan persaudaraan, manakala pergaduhan, dendki, khianat serta pertelingkahan serta peristiwa pembunuhan hari ini adalah kesan akibat hilangnya ciri adab dan kesopanan komunikasi dalam jiwa masyarakat.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah kod penyelidikan: FRGS/1/2017/SSI01/USIM/02/1. Penyelidik merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak KPT dan USIM atas sokongan yang diberikan.

Rujukan

Al-Quran al-karim

Ade Jamarudin. (2014). Mengungkap rahsia *attibaq* dalam al-Quran. *Jurnal Ushuluddin*. Vol 21. No 1. P 11-21.

Al-Ghazali. (2004). *Ihya Ulumuddin*. Kuala Lumpur: JAKIM.

Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1993). *Ulum al-Balaghah al-Bayan al-Ma’ani al-Badi’*. Ed. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Qardhawi, Yusuf. “al-Wasatiyah wa al-I’tidal”, dalam Mu’tamar Wasatiyah: Mukhtarat min Fikr al-Wasatiyah.
<http://www.wasatia.org/wpcontent/uploads/2010/05/bo>

Al-Qazwini, Jalaluddin Muhamad bin Abdurrahman. (nd). *Al-Talkhis fi Ulum al-Balaghah*. (ed): Abdul Hamid Handawi. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Charles G.M & Albert A. M. (1991). *Understanding psychology* (5th edn.). New Jersey: Prentice Hall.

Coon, D. & Mitterer, J. O. (2013). *Introduction to psychology: Gateway to mind and behaviour*. Belmont: USA. Wadsworth Cengage Learning.

Fariza Md. Sham. 2010. The approaches of da’wah in helping the social problems among the adolescents and its applications by the da’wah organization in Malaysia. *Jurnal al-Hikmah* 1: 99-113.

Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail & Rorlinda Yusof, (2013). Kecerdasan emosi menurut al-Quran dan as-Sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The online journal of Islamic Education*. Vol1. Issue 2, 51-57. (repository.um.edu.my/907/1/Article_5_V_1_Issue_2.pdf · PDF file)

- Ibn Ashur, Muhamamad al-Tohir bin Muhamamad. (1984). *Al-tahrir wa al-tanwir*. Tunis: Dar Tunisiah.
- Jomo Kwame Sundaram. Kata Pengantar buku Intelejensi Penyuluhan Nusantara suntingan Mohd Rashidi Artikel Penuh: <https://www.sinarharian.com.my/article/73162/K HAS/Pendapat/An-Nisa-bela-kemajuan-masyarakat> © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf 10 Mac 2020.
- Louis Ma'luf. *Kamus Munjid*. pdf [تحميل كتاب المنجد في اللغة pdf مكتبة نور - noor-book.com](#)
- Najati, M.U. (2008). *Psikologi Rasullah SAW*. Kuala Lumpur: Darul Nukman.
- Nur Chalis Sofyan. 2004. *Sastera Arab Sebuah Pengantar*. Banda Aceh:Ar-Raniry Press.
- Shari Krismanto. (2016). “Konsep adab dan relevensinya dengan Pendidikan Islam Menurut Syed Naquib al-Attas”. Program Pascasarjana (PPS) Universiti Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim.
- M. Azizzullah Ilyas Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Curup (). 2019. AR-RIAYAH: Jurnal Pendidikan Dasar vol. 2, no. 2, 2018 STAIN Curup – Bengkulu| pISSN2580-362X;e ISSN2580-3611
<http://journal.staincurup.ac.id/index.php/JPD>
- Muhamamad Attohir bin Ibn Asyur. T.th.*Tafsir tahrir wa tanwir*. Maktabah Shamelah.
- Muhamam Ali Assabbuniy. 1981. *Tafsif sofwatuttafasir*. Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- Utz, A (2011). *Psychology from the Islamic perspective*. Saudi Arabia. International Islamic Publishing House.
- Wahbah al-Zuhaili (1998), *Tafsir al-Munir*, Damsyiq: Dar al-Fikr, jld 13.
- Wan Azura W.A., Ahmad Fazullah, Rosni Samah, Hishomudin Ahmad, Yuslina Mohamad, & Mikail Ibrahim. (2017). *Uslub Targhib (motivasi) dalam muamalah hasanah; analisis surah al-Dhuha daripada perspektif psikologi dan retorik*. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 198-213.
- Wan Azura Wan Ahmad & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. (2020). Bagaimana Remaja Berbicara; Tinjauan dari Sudut Retorik al-Quran dan Psikologi dalam *e-prosiding of the International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences*. (*SIGMA10*). Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Azura Wan Ahmad, Nornajiah Jaafar, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Rosni Samah, Hishomuddin Ahmad & Mohd Zohdi Mohd Amin. (2020). Bagaimana Memotivasi Anak Dalam Aspek Pentarbiyan; Kupasan Uslub Targhib dari Aspek Al-Quran, Hadis dan Psikologi dalam *e-Prosiding International Seminar on Aqidah, Religions & Social Sciences*. (*SIGMA 10*). Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia.
- [https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/11/749060/kes-bunuh-polis-tahan-rakan-sekolah-mangsa 02 November 2020](https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/11/749060/kes-bunuh-polis-tahan-rakan-sekolah-mangsa-02-november-2020)
- <https://www.sinarharian.com.my/article/40272/BERITA/Jenayah/Bunuh-rakan-kerana-sering-mengata>